A

Muhamad Saifuldin bin Ab Rahman (seorang peguambela dan peguamcara dalam Tetuan Ahmad Rusydi Md Nor & Partners) lwn Ravindran a/l Balakrishnan (Majlis Peguam Malaysia, pencelah)

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO WA-17D-7–03 TAHUN 2019
C NORDIN HASSAN H
25 NOVEMBER 2019

Profesyen Undang-Undang — Lembaga Tatatertib — Rayuan terhadap
D *keputusan Lembaga Tatatertib — Sama ada perayu merupakan peguam responden — Sama ada perayu gagal menjaga kepentingan anak guamnya — Sama ada berlakunya penipuan*

Ini merupakan rayuan terhadap keputusan Lembaga Tatatertib Peguambela
E dan Peguamcara, Majlis Peguam Malaysia. Responden dalam kes ini telah membuat aduan kepada Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara terhadap perayu yang telah dilantik sebagai pemegang amanah kerana membuat representasi salah berhubung pemajakan kawasan rizab bagi projek ternakan lembu dan tanaman kontan di atas tanah rizab haiwan Kg Semangat,
F Mukim Penor, Kuantan Pahang. Tiga kesalahan tersebut adalah: (a) perayu bertanggungan dibawah s 94(d) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 apabila gagal untuk menjaga kepentingan anak guam apabila melepaskan wang yang dipegang sebagai pemegang wang taruhan tanpa memastikan dan/atau mengetahui bahawa tiada perjanjian pajakan telah dilaksanakan antara
G Responden dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang; (b) perayu bertanggunggan dibawah s 94(3)(k) Akta Profesyen Undang-Undang apabila mewakili responden dan anak guamnya; dan (c) perayu bertanggungan dibawah s 94(3)(c) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 apabila bertindak secara tidak jujur dalam meyakinkan responden secara berterusan bahawa
H responden akan berjaya mendapatkan pajakan tanah tersebut sedangkan perayu tahu bahawa surat kebenaran tidak dapat disahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang. Lembaga Tatatertib telah mengeluarkan perintah mengesahkan hanya kesalahan pertama dan cadangan denda sebanyak RM15,000 terhadap perayu. Perayu berhujah: (i) perayu bukan
I peguam mahupun pemegang amanah kepada responden; dan (ii) wang yang dibayar oleh responden merupakan fi konsultasi yang perlu dibayar kepada anak guam perayu iaitu Alaf Maju Resources dan bukannya bayaran untuk pajakan hartanah berkenaan. Manakala responden berhujah bahawa bayaran berkenaan merupakan bayaran untuk pajakan hartanah tersebut dan dibayar

kepada firma perayu sebagai pemegang amanah kepada syarikat responden. Isu untuk diputuskan adalah sama ada dapat dibuktikan di sebalik keraguan yang munasabah bahawa responden adalah anak guam perayu dan perayu gagal menjaga kepentingan anak guamnya tersebut.

Diputuskan, membenarkan rayuan tanpa perintah kos; mengenepikan keputusan Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara:

(1) Berdasarkan dokumen-dokumen kontemporari, iaitu surat-surat firma-firma berkaitan jelas menunjukkan bahawa perayu bukan peguam kepada responden dan tiada keterangan lain bagi menunjukan perayu adalah peguam kepada responden walaupun melalui perbuatan atau tindakan-tindakan perayu. Tambahan pula, keterangan dokumentari adalah jelas bahawa perayu merupakan peguam kepada Alaf Maju Resources (lihat perenggan 15–17).

(2) Berhubung dengan wang yang dibayar kepada Alaf Maju Resources melalui perayu, responden sendiri dalam aduan bertulis merujuk kepada jumlah wang sebagai bayaran pengurusan untuk perunding yang mana ianya tidak dipertikaikan adalah Alaf Maju Resources. Hujahan bahawa jumlah wang tersebut adalah untuk bayaran pajakan tidak dapat dipertahankan dan tidak disokong dengan sebarang keterangan. Isu perayu sebagai pemegang amanah kerana ianya merupakan bayaran keapda Alaf Maju Resources sebagai perunding tidak timbul (lihat perenggan 18 & 20–21).

(3) Tiada keterangan yang menunjukan bahawa perayu melakukan sebarang penipuan dalam permohonan pemajakan tanah ini (lihat perenggan 22).

[English summary

This was an appeal against the decision of the Advocates and Solicitors Disciplinary Board, Malaysian Bar Council. The respondent in this case had made a complaint to the Advocates and Solicitors Disciplinary Board against the appellant who was appointed as trustee for making a false representation concerning the lease of the reserved land for a project for the rearing of cows and cash crop on the Kg Semangat animal reserve land, District of Penor, Kuantan, Pahang. The three offences were: (a) the appellant is liable under s 94(d) of the Legal Profession Act 1976 when he failed to protect the interest of his client when he released the monies that was held as stakeholder without ensuring and/or knowing that there was no lease agreement was executed between the respondent and the Pahang Veterinary Department; (b) the appellant is liable under s 94(d) of the legal Profession Act 1976 when he represented the respondent and his client; and (c) the appellant is liable under s 94(3)(c) of the Legal Profession Act 1976 when he acted dishonestly when he continued to convince the respondent that the respondent will be successful in obtaining the lease of the said land despite knowing that the letter of

permission could not be verified by the Pahang Veterinary Services Department. The disciplinary board had issued an order affirming only the first offence and the recommendation for a fine of RM15,000 against the appellant. The appellant submits: (i) the appellant is not the lawyer nor the trustee to the respondent; and (ii) the monies paid by the respondent is a consultation fee that needs to be paid to the appellant's client being Alaf Maju Resources and not a payment for the said land lease. Whilst the respondent submits that the said payment was payment for the lease of the said land and was paid to the appellant's firm as trustee to the respondent's company. the issue to be determined was whether it could be proved beyond a reasonable doubt that the respondent was the appellant's client and the appellant had failed to protect the interest of his client.

Held, allowing the appeal without an order as to cost, setting aside the decision of the Advocates and Solicitors Disciplinary Board:

(1) Based on the contemporaneous documents, being letters of the firms involved, it is clearly shown that the appellant is not the respondent's lawyer and there was no other evidence to show that the appellant was the lawyers to the respondent even through the conduct of the appellants. Further, the documentary evidence is clear that the appellant was the lawyer to Alaf Maju Resources (see paras 15–17).

(2) Concerning the monies paid to Alaf Maju Resources through the appellant, the respondent himself in a written complained refered to the sums of money as the payment of management fees for the consultant where it was not disputed was Alaf Maju Resources. The submission that the said monies was for the payment of the lease could not stand and is unsubstantiated by evidence. The issue of the appellant was a trustee only because it was a payment to Alaf Maju Resources as a consultant does not arise. (see paras 18 & 20–21).

(3) No evidence to show that the appellant had committed any deception concerning this application for lease of land (see para 22).]

Kes-kes yang dirujuk

Gana Muthusamy v LM Ong & Co [1998] 3 MLJ 341; [1998] 4 CLJ 878, MR (dirujuk)

Keith Sellar v Lee Kwang; Tennakoon v Lee Kwang [1980] 2 MLJ 191, MP (dirujuk)

Nor Azlin bt Azhari (Jec Siose bersamanya) (Jec Siose & Co) bagi pihak perayu.
K Parvathi (K Siladass & Partners) bagi pihak responden.
Koh Kean Kang (Kang Shi Yi bersamanya) (Gan & Zul) bagi pihak pencelah.

Nordin Hassan H:

PENDAHULUAN

[1] Perayu dalam kes ini merayu terhadap keputusan Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara, Majlis Peguam Malaysia bertarikh 16 Februari 2019 yang mengesahkan dapatan Jawatankuasa Tatatertib yang mendapati perayu bersalah atas kesalahan pertama dengan cadangan denda sebanyak RM15,000.

LATAR BELAKANG FAKTA

[2] Berdasarkan kertas-kertas kausa termasuk hujahan bertulis yang difailkan di mahkamah ini, fakta relevan dalam kes ini adalah seperti berikut:

(a) responden dalam kes ini adalah pengarah syarikat Green Plain Plantation & Livestock Sdn Bhd dan telah membuat aduan kepada Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara bertarikh 20 September 2016 terhadap perayu, seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya;

(b) aduan responden adalah perayu yang dilantik sebagai pemegang amanah (*stakeholder*) telah membuat representasi yang salah berhubung pemajakan kawasan rizab bagi projek ternakan lembu dan tanaman kontan di atas tanah rizab haiwan, Kg Semangat, Mukim Penor, Kuantan, Pahang seluas 53.55 hektar;

(c) setelah bayaran pengurusan untuk perunding berjumlah RM795,530 dibuat oleh responden melalui pemohon, didapati bahawa surat kelulusan dari Jabatan Veterinar Negeri Pahang dan dokumen yang berkaitan adalah palsu;

(d) responden mengadu bahawa perayu telah melakukan salahlaku apabila gagal mengesan sebarang penipuan dalam transaksi berkenaan dan gagal memberi pandangan yang betul kepada syarikat responden;

(e) perayu kemudian telah membalas surat aduan responden berkenaan dengan menafikan aduan-aduan yang dinyatakan dalam surat aduan tersebut;

(f) pembelaan utama perayu adalah perayu bukan peguam kepada responden mahupun pemegang amanah kepada responden;

(g) perayu menyatakan bahawa peguam responden berhubung transaksi ini adalah En Osman bin Abdullah dari Tetuan Haranay, Hisham, Anikah & Assoc yang kemudian membuka firmanya sendiri iaitu Tetuan Osman Abdullah & Co dan sekarang ini di bawah nama Tetuan Fizee, Zaki & Osman;

(h) pada 24 November 2017, perbicaraan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib telah diadakan dan melalui laporan jawatankuasa ini bertarikh 20 Disember 2017, mendapati perayu telah melakukan tiga kesalahan dan mencadangkan kepada lembaga tatatertib untuk perayu didenda RM15,000 bagi setiap kesalahan tersebut;

(i) Kesalahan-kesalahan berkenaan adalah seperti berikut:

(i) *kesalahan pertama*:

> Bahawa Perayu bertanggungan di bawah Seksyen 94(d) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 apabila gagal untuk menjaga kepentingan Responden selaku anakguam dengan melepaskan wang berjumlah RM795,530.00 yang dipegang oleh Perayu sebagai pemegang wang taruhan tanpa memastikan dan/atau mengetahui bahawa tiada perjanjian pajakan yang telah dilaksanakan di antara Responden dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang.

(ii) *kesalahan kedua*:

> Bahawa Perayu bertanggungan di bawah Seksyen 94(3)(k) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 apabila mewakili Responden dan anakguamnya.

(iii) *kesalahan ketiga:*

> Bahawa Perayu bertanggungan di bawah Seksyen 94(3)(c) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 apabila bertindak secara tidak jujur dalam meyakinkan Responden secara berterusan bahawa Responden akan berjaya mendapatkan pajakan tanah tersebut sedangkan Perayu tahu bahawa Surat Kebenaran bertarikh 14/09/2012 telah tidak dapat disahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang.

(j) seterusnya, kes perayu telah dibawa ke hadapan Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara dan pada 11 Januari 2019, perbicaraan telah diadakan di hadapan lembaga tatatertib; dan

(k) selanjutnya, pada 16 Februari 2019, lembaga tatatertib telah mengeluarkan perintah mengesahkan hanya kesalahan pertama dan cadangan denda sebanyak RM15,000 terhadap perayu. Dapatan jawatankuasa tatatertib berhubung kesalahan kedua dan kesalahan ketiga adalah ditolak oleh lembaga tatatertib.

HUJAH PIHAK PERAYU

[3] Pada asasnya, perayu berhujah bahawa perayu bukan merupakan peguam yang dilantik untuk mewakili responden dalam transaksi berkenaan. Dalam lain perkataan, responden bukan merupakan anak guam kepada perayu. Sehubungan itu, kesalahan pertama tidak boleh dibuktikan terhadap perayu.

[4] Seterusnya, dihujahkan bahawa wang RM795,530 yang dibayar oleh responden adalah merupakan fi konsultasi yang perlu dibayar kepada anak guam perayu iaitu Dato' Syed Mohamad Faiz bin Syed Azemmant ('Dato Syed') pemilik Alaf Maju Resources dan bukannya bayaran untuk pajakan hartanah berkenaan.

HUJAH PIHAK RESPONDEN

[5] Pihak responden pula sebaliknya berhujah bahawa bayaran RM795,530 berkenaan adalah merupakah bayaran untuk pajakan hartanah tersebut dan dibayar kepada firma perayu sebagai pemegang amanah kepada syarikat responden.

HUJAH PIHAK PENCELAH

[6] Selanjutnya Majlis Peguam sebagai pihak pencelah juga berhujah bahawa perayu bertindak sebagai pemegang amanah kepada syarikat responden dan wang RM795,530 tersebut dibayar kepada perayu sebagai pemegang amanah.

[7] Dihujahkan lagi bahawa perayu telah mengingkari tanggungjawab sebagai pemegang amanah tersebut apabila melepaskan jumlah wang RM795,530 tersebut kepada Alaf Maju Resources yang dimiliki oleh Dato Syed berkenaan.

[8] Di samping itu, dihujahkan bahawa perayu telah melakukan kecuaian yang melampau apabila melepaskan pembayaran berkenaan kepada Alaf Maju Resources.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[9] Pertamanya, mahkamah ini mengambil maklum bahawa bagi kes-kes yang diputuskan oleh lembaga disiplin, mahkamah ini perlu berhati-hati untuk mengganggu keputusan berkenaan kecuali keputusan tersebut bukan merupakan keputusan yang akan dicapai oleh ahli-ahli pemikir terbaik profesyen peguam itu sendiri.

[10] Prinsip ini dijelaskan dalam kes Mahkamah Rayuan, *Gana Muthusamy v LM Ong & Co* [1998] 3 MLJ 341; [1998] 4 CLJ 878, seperti berikut:

> *It is primarily for members of the Bar to decide what amounts to conduct unbecoming of an advocate and solicitor.* Courts must necessarily exercise caution when entertaining an appeal in which the central question is whether particular conduct is unprofessional and cases meriting curial interference will be rare. Otherwise, it will be the court and not the profession that will determine the yardstick of professional

A behaviour. *A court will be entitled to interfere only if what has been found by a disciplinary committee to be unprofessional conduct will not be considered to be such by the best thinking members of that profession.*

B **[11]** Seterusnya, beban pembuktian dalam prosiding tatatertib ini adalah disebalik keraguan yang munasabah seperti dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Keith Sellar v Lee Kwang; Tennakoon v Lee Kwang* [1980] 2 MLJ 191, seperti berikut:

C The second question is what burden of proof did the Disciplinary Committee apply in arriving at its findings. Looking at the grounds given in its statement of findings, the Disciplinary Committee although it made very firm findings unfortunately did not say expressly what standard of proof it adopted in arriving at its decision.

D First, what is the standard of proof required in such a proceeding? Very recently, this court in *Au Kong Weng v The Bar Committee, State of Pahang* [1980] 2 MLJ 89 dealt with the same question and accepted the standard set by *Bhandari's case* [1956] 3 All ER 742. Lord Tucker in that case approved the required standard established by the Court of Appeal in that in every allegation of professional misconduct involving an element of deceit of moral turpitude a high standard of proof is called for. The Court of Appeal also expressed the view that any body of professional men sitting in E judgment on a colleague should not be content to condemn on a mere balance of probabilities.

The standard of proof required in a proceeding of this type is proof beyond reasonable doubt. In the judgment of this court in *Au Kong Weng*'s case, the Chief Justice said:

F It is a question for the committee to decide, first, whether the facts alleged in the charge had been proved beyond reasonable doubt and secondly whether the appellant in relation to those facts, was guilty of such conduct. The absence in the Committee's determination of any mention of the standard of proof does not justify an inference that it had failed to have regard to it.

G **[12]** Kembali kepada kes rayuan ini, adalah bersesuaian dirujuk kembali kesalahan pertama terhadap perayu yang disahkan oleh Lembaga Tatatertib iaitu seperti di bawah:

H Bahawa Perayu bertanggungan di bawah Seksyen 94(d) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 apabila *gagal untuk menjaga kepentingan Responden selaku anakguam dengan melepaskan wang berjumlah RM795,530.00 yang dipegang oleh Perayu sebagai pemegang wang taruhan tanpa memastikan dan/atau mengetahui bahawa tiada perjanjian pajakan yang Ielah dilaksanakan di antara Responden dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang.*

I **[13]** Jelas dalam kesalahan pertama ini rujukan dibuat bahawa responden adalah anak guam kepada perayu. lsu di sini adalah adakah dapat dibuktikan di sebalik keraguan yang munasabah bahawa responden adalah anak guam perayu dan perayu gagal menjaga kepentingan anak guamnya tersebut apabila

melepaskan wang RM795,530 berkenaan kepada Alaf Maju Resources secara cuai.

[14] Pertamanya, responden sendiri mengesahkan tiada sebarang surat perlantikan perayu sebagai peguam responden dalam transaksi tersebut.

[15] Seterusnya dokumen kontemporari iaitu surat-surat firma-firma guaman berkaitan jelas menunjuk bahawa perayu bukan merupakan peguam kepada responden. Surat-surat tersebut adalah seperti berikut:

(a) surat bertarikh 1 Oktober 2012 dari firma perayu kepada Tetuan Haranay, Hisham, Anikah & Assoc ('Tetuan HHAA') yang jelas menyatakan bahawa firma perayu mewakili Alaf Maju Resources yang telah memajukan permohonan pajakan anak guam Tetuan HHAA iaitu responden, kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pahang ('JPVP');

(b) surat bertarikh 2 Oktober 2012 dari Tetuan HHAA kepada responden yang mengesahkan perlantikan Tetuan HHAA berhubung permohonan pemajakan tanah berkenaan. Surat bertarikh 2 Oktober 2012 ini dilampirkan di sini:

TETUAN HARANAY, HISHAM, ANIKAH & ASSOCIATES
PEGUAMBELA & PEGUAMCARA * ADVOCATES & SOLICITORS * PEGUAM SYARIAH

PARTNERS
Muhammad Hisham Bin Abdul Rahim LL.B (Hons) IIUM
Anikah Binti Othman LL.B (Hons) UKM
Aza Haseeb Binti Haji Othman LL.B (Hons) IIUM
Osman Bin Abdullah LL.B (Hons) IIUM
Sunyo Binti Dato' Hamzy LL.B (Hons) IIUM

LEGAL ASSISTANTS
Mazuin Fitri Mohd Aris LL.B (Hons) UKM
Nurul Azale Binti Ibrahim LL.B (Hons) IIUM

OFFICE HOURS:
8.30 am – 5.30 pm
(Please Make An Early Appointment)

RGMPIN OFFICE
No. 87, Tingkat Atas,
Jalan Gelugor, Bandar Baru Rompin,
26800 Kuala Rompin,
Pahang Darul Makmur.
Tel : 09-414 0235 Fax : 09-41 [illegible]
Email: hhaseamply@gmail.com

MODE OF TRANSMISSION

By Hand	Ordinary Post
Registered Post	A.R. Registered
Courier	Fax / Urgent

Ruj Kami : HHAA(R)/CPA'AKAN VETERINAR–PW3768/9/12
Tarikh : 02.10.2012

Pengurus
Green Plain Plantation & Livestock Sdn Bhd (1016361 W)
No 112A, Jalan Pinang 23,
Taman Daya,
81100 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.
(U/P:Mr. Ravindran A/L Balakrishnan)

Tuan,

PER: PERJANJIAN PAJAKAN
HARTANAH : 55.55 HEKTAR (PW3768), MUKIM PENOR, DAERAH KUANTAN, PAHANG
TUAN PUNYA : JABATAN VETERINAR PAHANG
PEMOHON : GREEN PLAIN PLANTATION & LIVESTOCK SDN BHD (1016361W)

A

Merujuk kepada perkara di atas yang mana pihak kami telah dilantik untuk bertindak bagi pihak tuan.

Adalah dimaklumkan bahawa bagi proses permohonan pajakan tertakluk di atas yang melibatkan pihak - pihak sepertimana yang dinyatakan di atas telah pun sampai kepada peringkat pembayaran deposit sebanyak 10%.

Pembayaran deposit 10% tersebut adalah seperti berikut:

B

1. Cek PBB No: 276766 yang berjumlah RM29,040.00 dan telah dibayar kepada pihak kami dan kami membuat bayaran kepada Tetuan Ahmad Rusydi Md Nor & Partners melalui Cek MBB No: 498612 yang bertarikh 10.08.2012 iaitu 2% daripada jumlah harga pajakan; dan
2. Cek RHB Bank Berkad No: 000002 yang telah di bayar wang kepada Tetuan Ahmad Rusydi Md Nor & Partners bertarikh 25.09.2012 dan berjumlah RM116,160.00 iaitu 8% daripada jumlah harga pajakan.

Di sini kami sertakan sebuli bukti-bukti bayaran bagi proses di atas.

C

Bersama-sama ini juga kami sertakan satu (1) salinan surat sokongan bertarikh 14.09.2012 (no rujt: Bil. (33)dlm.V.PHG.K-220) daripada Jabatan Veterinar. Salinan asal surat ini telah pun diserahkan kepada pihak tuan pada 18.09.2012.

HEAD OFFICE KUANTAN
Tingkat 3, Bangunan PERSIM,
Jalan Gambut, 25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
Tel : 09-5178277 / 09-5128407 / 09-5135801
Fax: 09-5177345
Email : khnf.kzin@gmail.com

D

KEMAMAN OFFICE
No.31264, Tingkat 2, Taman Cukai Utara,
Jalan Kubang Kerau, 24000 Kemaman,
Terengganu Darul Iman.
Tel : 09-8589342 / 09-8589343
Fax: 09-8589324

(Please Quote Our Reference When Replying)

PEKAN OFFICE
No. 11, Tingkat 2,
Jln Tok Muda Haji Mohd 26000 Pekan,
Pahang Darul Makmur
Tel : 013-9018515
Fax: 09-4227645
Email : ahmadrusydi82@gmail.com

Tetuan Hornnay, Hishaam, Anikah & Associates
Peguambela & Peguamcara *Page 2*

E

Untuk makluman pihak tuan, dalam tempoh tiga (3) bulan dengan tambahan masa satu (1) bulan, pihak Alaf Maju Resources akan memohon surat kelulusan untuk tanaman sedingan (kelapa sawit).

Pihak tuan perlu membayar baki 90% daripada harga pajakan apabila surat kelulusan tersebut dikeluarkan.

F

Turut kami sertakan di sini satu salinan surat bertarikh 01.10.2012 daripada Tetuan Ahmad Rusydi Md Nor & Partners bagi pengetahuan perkara di atas.

Sekian, terima Kasih.

Yang Benar,

G

TETUAN HARANAY, HISAHAM, ANIKAH & ASSOCIATES
Kuala Rompin

(c) surat bertarikh 4 Disember 2012 dari firma perayu kepada Tetuan HHAA untuk perhatian En Osman Abdullah menyatakan kemungkinan terdapat kelewatan berhubung kelulusan permohonan anak guamnya iaitu pihak responden;

H

(d) surat bertarikh 31 Januari 2013 dari firma perayu kepada Tetuan HHAA memaklumkan bahawa permohonan anak guam Tetuan HHAA telah berada di Pejabat Hutan Negeri Pahang;

I

(e) surat bertarikh 18 Mac 2013 dari firma perayu kepada Tetuan HHAA yang ada membuat rujukan bahawa responden adalah anak guam Tetuan HHAA;

(f) surat bertarikh 27 April 2013 dari Tetuan Osman Abdullah & Co kepada responden memaklumkan mengenai perbincangan berhubung perjanjian pajakan di firma perayu;

(g) surat bertarikh 27 April 2013 dari firma perayu kepada Tetuan Osman Abdullah & Co yang ada menyebut bahawa pihak Tetuan Abdullah & Co mengambil alih dari Tetuan HHAA berhubung perkara pajakan ini;

(h) surat bertarikh 2 Mei 2013 dari firma perayu kepada Tetuan Osman Abdullah & Co yang ada membuat rujukan bahawa responden adalah anak guam Tetuan Osman Abdullah & Co;

(i) surat bertarikh 9 Julai 2013 dari Tetuan Osman Abdullah & Co kepada responden yang antara lain, memaklumkan telah menerima dokumen-dokumen dari firma perayu untuk simpanan pihak responden;

(j) surat bertarikh 8 Julai 2013 dari firma perayu kepada Tetuan Osman Abdullah & Co antara lain menyatakan bahawa permohonan pajakan anak guam Tetuan Osman Abdullah & Co iaitu syarikat responden telah dimajukan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang; and

(k) surat bertarikh 25 Ogos 2013 dari Tetuan Osman Abdullah & Co kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang berhubung perjanjian pajakan berkenaan ada menyebut syarikat responden iaitu Green Plain Plantation & Livestock Sdn Bhd adalah anak guam kepada Tetuan Osman Abdullah & Co.

[16] Berdasarkan penelitian kepada surat-surat yang dirujuk ini, jelasnya perayu bukan merupakan peguam kepada responden dalam transaksi pajakan tanah ini. Tiada keterangan lain yang dapat dilihat bagi menunjukkan perayu adalah peguam kepada responden walaupun melalui perbuatan atau tindakan-tindakan perayu.

[17] Sebaliknya, keterangan dokumentari juga adalah jelas bahawa perayu merupakan peguam kepada Alaf Maju Resources yang dimiliki oleh Dato Syed. Perlantikan perayu sebagai peguam Alaf Maju Resources ini yang merupakan konsultan permohonan pajakan tanah ini juga dibuktikan melalui surat perlantikan dari Dato Syed bertarikh 26 March 2012 yang diterima oleh firma perayu pada tarikh yang sama berdasarkan cop penerimaan firma perayu.

[18] Selanjutnya, berhubung dengan wang berjumlah RM795,530 yang dibayar secara berperingkat kepada Alaf Maju Resources melalui perayu, responden sendiri dalam aduan bertulis kepada Lembaga Disiplin Peguambela dan Peguamcara bertarikh 20 September 2016 merujuk jumlah wang berkenaan sebagai *bayaran pengurusan untuk perunding.* Perunding dalam kes ini tidak dipertikaikan adalah Alaf Maju Resources.

[19] Di dalam aduan yang dibuat oleh responden tersebut dinyatakan antara lain seperti berikut:

> Di dalam melakukan urusan permohonan tersebut, Responden telah meminta pembayaran-pembayaran yang dikatakan oleh Responden sebagai bayaran pengurusan untuk perunding. Syarikat kami telah membuat pembayaran-pembayaran tersebut kepada responden berjumlah RM795,530.00 secara berperingkat mengikut permintaan sebagaimana berikut:
>
> (a) RM29,040.00 pada 10.08.2012;
>
> (b) RM116,490.00 pada 18.09.2012;
>
> (c) RM150,000.00 pada 17.07.2013;
>
> (d) RM300,000.00 pada 02.05.2014;
>
> (e) RM200,000.00 pada 26.05.2014.

[20] Sehubungan itu, hujahan bahawa wang berjumlah RM795,530 tersebut untuk bayaran pajakan tanah tidak dapat dipertahankan dan tidak disokong dengan sebarang keterangan.

[21] Jelas di sini tidak timbul isu perayu sebagai pemegang amanah bagi jumlah wang RM795,530 tersebut kerana ianya merupakan bayaran kepada Alaf Maju Resources sebagai perunding. Bayaran ini juga dibuat secara berperingkat mengikut permintaan iaitu seperti berikut:

No	Tarikh Pembayaran	Jumlah pembayaran (RM)
1.	10 Ogos 2012	29,040
2.	18 September 2012	116,490
3.	17 Julai 2013	150,000
4.	2 Mei 2014	300,000
5.	26 Mei 2014	200,000
	Jumlah keseluruhan	795,530

[22] Selain itu, tiada sebarang keterangan yang dapat menunjukkan bahawa perayu melakukan sebarang penipuan dalam transaksi permohonan pemajakan tanah ini.

[23] Apa yang jelas lagi, peguam responden yang sewajar mengambil tindakan perlu bagi memastikan kepentingan responden terpelihara berhubung transaksi berkenaan.

KESIMPULAN

[24] Berdasarkan huraian di atas, saya dapati, kesalahan pertama terhadap perayu tidak dapat dibuktikan disebalik keraguan yang munasabah.

[25] Sehubungan itu, rayuan perayu adalah dibenarkan tanpa perintah kos. Keputusan Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara bertarikh 16 Februari 2019 adalah diketepikan.

Rayuan dibenarkan tanpa kos, keputusan Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara diketepikan.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan